

31 JUL 2003

Abdullah-Penaja (Bergambar)

MT SETUJU SEMUA J/KUASA PENGURUSAN BAHAGIAN DIBUBAR

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini bersetuju agar semua jawatankuasa pengurusan di 165 bahagian Umno dan 25 bahagian baru, serta jawatankuasa pengurusan pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri dibubar dan diletakkan di bawah jawatankuasa penaja sehingga pemilihan parti tahun depan.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata: "Semua bahagian sama ada bahagian yang terlibat dengan persempadan semula, sama ada bahagian yang baru diwujudkan atau bahagian lama, semuanya akan diletakkan di bawah jawatankuasa penaja termasuk juga pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri".

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata bagaimanapun penguatkuasaan pembubaran jawatankuasa sedia ada itu akan diumumkan kemudian.

"Bila kita buat keputusan ia akan berkuatkuasa," katanya pada sidang media selepas mesyuarat MT di sini.

Beliau berkata demikian apabila ditanya sama ada mesyuarat MT hari ini ada membincangkan mengenai penubuhan jawatankuasa penaja Umno bahagian di 25 bahagian baru, yang terhasil daripada persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Abdullah berkata pemilihan anggota jawatankuasa penaja itu boleh dilakukan di kalangan anggota sedia ada ataupun melantik orang lain.

"Yang jadi ahli jawatankuasa sekarang semuanya boleh dilantik untuk menjadi anggota jawatankuasa penaja ataupun kita boleh lantik orang lain," katanya.

Beliau berkata pemilihan akan diputuskan oleh pihak pengurusan pusat setelah meneliti cadangan yang dikemukakan oleh perhubungan Umno negeri.

Mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad antara lain turut memutuskan untuk menyokong cadangan supaya semua calon pilihan raya mengisytiharkan harta masing-masing.

-- BERNAMA

NM AHH PR